

**KENYATAAN MEDIA PERDANA MENTERI,  
YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK  
DI MESYUARAT MAJLIS EKONOMI BUMIPUTERA (MEB)**

**ISNIN, 29 MEI 2017 @ 4.30 PETANG  
BILIK MESYUARAT PERDANA, ARAS 3, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PERDANA PUTRA, PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri,

Yang Berhormat Menteri-Menteri,

Ahli-ahli Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB),

Pihak media serta para hadirin sekalian.

1. Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang diadakan pada hari ini merupakan Mesyuarat MEB yang pertama sejak Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 dan Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB) dilancarkan pada 19 haribulan April

yang lepas. Dalam memastikan Bumiputera dan rakyat Malaysia secara am-nya dapat meraih manfaat dari dasar TKB, saya menyeru agar semua jentera Kerajaan dan Syarikat-Syarikat GLC mendokong aspirasi ini dan lebih proaktif dalam mempergiat dan menggerakkan TKB sebagai teras dalam semua polisi serta inisiatif yang di usahakan.

**Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)  
Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) Kementerian**

Hadirin yang dihormati,

2. Pada tahun lalu, saya telah mengumumkan sebanyak 93 Petunjuk Prestasi Utama Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera (PEB) Kementerian atau KPI PEB Kementerian bagi 25 Kementerian termasuk Jabatan Perdana Menteri (JPM). Ahli-ahli MEB yang bermesyuarat pada hari ini mengambil maklum bahawa 23 kementerian telah mencapai sekurang-kurangnya 90 peratus sasaran KPI yang telah ditetapkan bagi tahun 2016. Daripada jumlah keseluruhan, 8 kementerian telah berjaya mencapai sasaran 100 peratus yang telah ditetapkan.
  
3. KPI PEB Kementerian untuk tahun 2017 pula adalah selari dengan strategi dan sasaran Rancangan Malaysia ke 11 (RMK-11) dan *Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0*. Sebanyak 125 KPI PEB

Kementerian telah diperakukan oleh MEB bagi kesemua kementerian dan Jabatan Perdana Menteri. Berbanding tahun sebelumnya, lebih banyak KPI PEB Kementerian yang berimpak tinggi dan bersifat *outcome-based telah ditetapkan*.

**PETUNJUK PRESTASI UTAMA PEMERKASAAN EKONOMI BUMIPUTERA  
SYARIKAT GLIC DAN GLC**

Hadirin sekalian,

4. Bagi pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) BEA Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan atau “GLIC” dan Syarikat Berkaitan Kerajaan terpilih atau “G20” untuk tahun 2016, , lima Syarikat “GLIC” dan 17 Syarikat “G20” telah mempamerkan satu tahap kematangan dengan hasil yang positif dan lebih memberangsangkan sejak program ini mula dilaksanakan pada 2014.
  
5. Secara keseluruhan, nilai inisiatif untuk Bumiputera pada tahun 2016 dicatatkan berjumlah RM42.1 bilion berbanding RM30.0 bilion pada 2015. Syarikat GLIC dan G20 turut mencatat pencapaian sebanyak 95.3 peratus sasaran KPI BEA pada tahun 2016.

6. Untuk tahun 2017 pula, sasaran KPI BEA adalah lebih tinggi berbanding 2016 di mana KPI BEA akan menfokus kepada aspek kualiti, bersifat “outcome-based” serta diselaraskan mengikut operasi teras GLIC dan G20 itu sendiri. KPI BEA bagi tahun 2017 juga digubal mengikut dasar dan aspirasi TKB dengan tumpuan khusus dalam bidang pembangunan vendor, rangkaian bekalan Bumiputera dalam sektor-sektor strategik, program-program latihan di bawah Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), pembangunan rumah mampu milik serta pengenalan dan penambakan polisi bagi pengagihan khusus dan pemerolehan Bumiputera. Khazanah Nasional Berhad, selaku urus setia program, akan terus memperkemas struktur penyampaian dan pelaksanaan BEA bagi memastikan manfaat serta kesannya dapat dirasai oleh masyarakat Bumiputera.

7. Dikesempatan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa dan semoga ibadah yang dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan yang mulia ini beroleh keberkatan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi*

*Wabarakatuh.*